

**ADAT ISTIADAT DALAM PERLAUTIKAN**  
**PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH**  
**DI NEGERI SEMBILAN**

**OLEH**

**BORHANA MOND. SHARIFF**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEPERKAKAN KEPADA**

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK**

**MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT-SYARAT**

**IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN**

**KEPUJIAN DI JABATAN PERSURATAN MELAYU.**

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**BANGI**

**1978/79**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah,  
Yang pemurah lagi Maha Penyayang.

Saya bersyukur kehadiran Illahi kerana telah dapat menyempurnakan latihan ilmiah ini. Walaupun ia tidak sebaik mungkin, namun saya ingin merakamkan rasa terima kasih kepada mereka yang terlibat <sup>dalam</sup> usaha menjayakan latihan ilmiah ini. Sumbangan mereka begitu besar ertinya bagi saya.

Pertama-tama ucapan terima kasih ini ditujukan kepada penyelia saya Encik Ismail Hamid, yang telah bersusah payah memberi tunjuk ajar berupa nasihat, pandangan dan pemikiran-pemikiran yang saya sifatkan begitu bermanfaat. Dan kepada kedua ayah ibu dan keluarga, terima kasih atas galakan dan perangsang yang telah diberikan.

Kajian saya melibatkan pertemuan dengan beberapa orang tokoh adat di Rembau. Oleh itu, saya berterima kasih kepada bapa saudara saya Encik Omar b. Yassin yang telah bermurah hati melapangkan sedikit masa membawa saya menemui mereka. Setinggi-tinggi penghargaan saya persembahkan kepada tokoh-tokoh adat itu yang terdiri dari:

- a) Datuk Maharaja Inda Samad b. Hassan,  
Datuk Lembaga suku Tanah Datar, sebelah baroh.
- b) Datuk Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd. Rahman,  
Datuk Lembaga suku Paya Kumbuh, sebelah darat.
- c) Datuk Perba Abdul Aziz b. Hussein, Ketua  
Waris suku Biduanda.

Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka atas kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Tidak lupa juga kepada saudara Mastura bte Itam yang telah sudi menaipkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya jasa-jasa mereka tidak dapat saya lupakan.

Terima kasih.

Daripada,

Rohana Mohd. Shariff  
Jabatan Persuratan Melayu  
U.K.M., Bangi.

8 Januari, 1979

# KANDUNGAN

|                |                                                                                   |     |     |     | Halaman |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-----|-----|-----|---------|
| Pengantar      | ***                                                                               | *** | *** | *** | 11      |
| Kandungan      | ***                                                                               | *** | *** | *** | 111     |
| <b>BAB I</b>   | <b>PENGANTARAN</b>                                                                |     |     |     | 1       |
|                | Shop dan objektif kajian                                                          | *** | *** |     | 6       |
|                | Metode kajian                                                                     | *** | *** | *** | 10      |
|                | Masalah kajian                                                                    | *** | *** | *** | 11      |
|                | Latar belakang tempat kajian                                                      |     | *** |     | 13      |
| <b>BAB II</b>  | <b>ROLA-ROLA KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH</b>                        |     | *** |     |         |
|                | Konsep pemimpin dan kepimpinan                                                    |     | *** |     | 26      |
|                | Konsep pemimpin dan kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih                     |     | *** |     | 30      |
|                | Syarat-syarat menjadi pemimpin                                                    |     | *** |     | 32      |
|                | Sifat-sifat pemimpin                                                              | *** | *** |     | 34      |
|                | Pantang Larang Pemimpin                                                           | *** | *** |     | 36      |
|                | Tugas-tugas Pemimpin                                                              | *** | *** |     | 38      |
|                | Institusi Kepimpinan                                                              | *** | *** |     | 39      |
| <b>BAB III</b> | <b>ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH</b> |     |     |     |         |
|                | Definisi adat                                                                     | *** | *** | *** | 54      |



**Proses perlintikan dan pelaksanaan  
 adat istiadat**

|                |     |     |     |           |
|----------------|-----|-----|-----|-----------|
| <b>Buapak</b>  | 000 | 000 | 000 | <b>56</b> |
| <b>Lembaga</b> | 000 | 000 | 000 | <b>60</b> |
| <b>Undang</b>  | 000 | 000 | 000 | <b>74</b> |

**BAB IV**

**ADAT ISTIADAT PERLINTIKAN DAN  
 PERTABALAN YANG DIPERTUAN BESAR  
 NEGERI SEMBILAN**

|                                                          |         |           |
|----------------------------------------------------------|---------|-----------|
| <b>Kedudukan Yang Dipertuan Besar</b>                    | 000     | <b>87</b> |
| <b>Adat Istiadat Perlantikan<br/>     dan Pertabalan</b> | 000 000 | <b>94</b> |

**BAB V**

**KESIMPULAN**

|                                                                                                                                  |                    |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| <b>Persamaan dan perbezaan dalam adat<br/>     istiadat perlantikan pemimpin antara<br/>     Minangkabau dan Negeri Sembilan</b> | <b>113</b>         |
| <b>Adakah Adat Perpatih bercorak<br/>     Demokrasi?</b>                                                                         | 000 000 <b>126</b> |

**LAMPIRAN**

|             |            |
|-------------|------------|
| 000 000 000 | <b>132</b> |
|-------------|------------|

**SILABOGRAFI**

|             |            |
|-------------|------------|
| 000 000 000 | <b>133</b> |
|-------------|------------|

POLA-POLA KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT  
ADAT PERPATIH

Konsep Pemimpin dan Kepimpinan

Konsep pemimpin dan kepimpinan sering kita temui khusus dalam

lapangan politik. Pelbagai definasi tentang konsep ini dikemukakan oleh para sarjana. Dalam pengertian yang paling mudah, konsep pemimpin adalah merujuk kepada orang-orang yang memimpin orang lain menuju kepada suatu matlamat tertentu.<sup>(1)</sup> Definasi ini bersifat umum dan

boleh digunakan dalam berbagai situasi. Misalnya seorang ibu memimpin anaknya melintasi jalan, atau seorang tua yang buta dipimpin oleh cucunya ketika berjalan-jalan. Dalam situasi apa pun, konsep pemimpin dan pispinan ternyata memperlihatkan dua pihak berinteraksi yang masing-masing saling bantu membantu antara satu sama lain. Jelasnya, ada golongan yang memimpin dan dipimpin.

Dalam pengertian khusus, sebilangan ahli sosiologi berpendapat bahawa pemimpin itu adalah orang yang biasanya boleh dan memang mempunyai pengaruh ke atas orang lain dengan ertikata bahawa fikiran, perkataan atau tidaknya boleh mempengaruhi perlakuan orang lain yang biasanya disebut sebagai pengikut.<sup>(2)</sup> Tafsiran oleh Syed Musin Ali ini

---

(1) Syed Musin Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia  
Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, K. Lumpur, 1977 h.8

(2) Ibid hal. 10

melihat dari aspek keseluruhan peribadi seorang individu. Di sini, bakat kepimpinan menjadi ukuran sebagai kelayakan untuk menempatkan individu sebagai seorang pemimpin. Sementara keluasan pengaruh pula merupakan faktor peneguhan kepada kedudukannya dalam masyarakat. Berhubung dengan penggunaan istilah 'pemimpin' Gouldner (1965) <sup>(1)</sup> merumuskan bahawa istilah ini lebih tepat dirujukkan kepada mereka yang tinggi pencapaian dan statusnya dari orang lain walaupun terlibat dalam aktiviti yang sama. Mereka juga mendapat sambutan secara integratif dari rakyat.

Kelainan dalam bidang pencapaian mengakibatkan kelainan dalam corak pimpinan antara seorang individu dengan yang lain. Antara seorang seniman, tokoh politik atau pegawai pentadbir misalnya, corak kepimpinan mereka agak berbeza. Seniman menjadi pemimpin kerana ketinggian pencapaiannya terhadap seni, status atau kedudukan dalam hirarki pemerintah pula merupakan ciri mempengaruhi seorang pegawai tadbir untuk menjadi pemimpin. Manakala tokoh politik terdorong untuk jadi pemimpin adalah kerana sifat karismanya yang menarik serta mendapat sambutan dari orang ramai.

Jadi, dari penjelasan di atas, antara pemimpin dan corak pimpinan, saling pengaruh mempengaruhi. Sifat-sifat yang ada pada diri individu baik semula jadi atau dibentuk merupakan asas pendorong kearah pengujutan

---

(1) Gouldner, via Syed Hussin Ali, ibid.

pemimpin dan corak kepimpinan. Peranan pemimpin dapat kita lihat menerusi institusi yang dapat memenuhi keperluan individu dari berbagai aspek seperti politik, sosial, ekonomi, agama dan sebagainya. Penentuan peranan dalam institusi tersebut adalah dipengaruhi oleh bentuk-bentuk peranan itu sendiri dan alam persekitaran. Oleh itu, pemimpin berkait rapat dengan peranan itu sendiri dan bukan dengan orang yang memainkan peranan tersebut. Bila sudah menjadi pemimpin, dia tidak dapat lari dari menerima hak dan tanggungjawab serta 'kuasa yang sah'. Jelasnya pemimpin dan pimpinan berhubung rapat dengan kekuasaan. Keteguhan kedudukan dan pengaruh seorang pemimpin dan pimpinannya bergantung pada pengesahan yang diterima dari pengikutnya. Dalam mentadbir, pemimpin kini lebih cenderung untuk menjaga status dari mengubah peranan institusi dan susunan masyarakatnya. Penilaian terhadap pemimpin ini hanya dapat diukur melalui kemampuannya menjalankan tugas. Sekiranya cekap berperanan, dia akan disanjung dan begitulah sebaliknya. Tapi, kita tidak dapat nafikan ada pemimpin-pemimpin yang bersifat revolusioner. Mereka ingin mengubah peranan yang sedia ada supaya pimpinannya lebih berkesan. Implikasinya, perubahan pada bentuk susunan sosial, ekonomi dan politik akan <sup>w</sup>ujud.

Ekoran dari ini, tanpa kita sedari, muncul dua corak pemimpin iaitu 'pemimpin yang ditentukan oleh peranan' dan 'pemimpin yang menentukan peranan'. Pemimpin yang pertama sudah tentu tidak membawa pembaharuan tapi masih punya pengaruh yang luas kerana dia hanya perlu melaksanakan peranan tersebut tanpa melibatkan pengikut-pengikutnya.

Berbanding dengan pemimpin kedua, perubahan peranan bermakna perubahan dalam perlakuan susunan masyarakat. Ini berlaku kerana mereka menjalani proses asimilasi menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pemimpin. Inilah pemimpin yang sebenarnya kerana dia bukan sahaja memimpin menurut luras-luras yang sedia ada malah menokok tambah supaya sesuai dengan peredaran zaman.

Kepimpinan adalah fungsi pemimpin dalam masyarakat hasil dari interaksi diantara orang yang berkebolehan untuk melaksanakan pimpinan dengan keperluan yang timbul hasil dari keadaan tertentu dalam suatu masyarakat pada satu ketika. (1) Merujuk dari informasi diatas, kepemimpinan wujud bila ada interaksi antara dua pihak yang jelas memperlihatkan ketidaksemaan taraf kedudukan antara keduanya. Dalam konteks ini, pemimpin lebih banyak menggambarkan orang yang berkecimpung dibidang politik yakni mereka yang bergerak keperingkat lebih tinggi dan penting. Ini berbeza dengan istilah 'ketua' yang hanya berfungsi dalam kumpulan kecil. Tapi secara umum, istilah pemimpin dan ketua membawa pengertian dan fungsi yang sama.

Kesimpulannya, baik ketua atau pemimpin, adalah istilah yang melambangkan seorang individu yang berkedudukan penting dalam masyarakat disamping berfungsi menunjuk ajar mereka yang berkedudukan lebih rendah darinya. Untuk menjadi pemimpin, individu mesti memiliki beberapa

---

(1) Ibid, hal. 16

sifat tertentu yang membolehkan orang ramai mengiktirafkannya sebagai pemimpin berkebolehan. Sifat utama yang jadi ukuran ialah bakat disamping latar belakang yang baik samada dari segi keluarga atau pendidikan.

Dalam masyarakat Adat Perpatih, peranan menentukan pemimpin dan kepimpinan Adat Perpatih di Negeri Sembilan diambil terus menerus dari Minangkabau. Setelah melalui proses penyesuaian dengan masyarakat tempatan, adat ini menjadi amalan dalam kehidupan seharian mereka. Keanihan adat ini terletak pada tiada berlakunya perubahan baik sejak mula diterima maupun sampai kini. Cuma adat yang kurang penting seperti istiadat berkedim<sup>(1)</sup> tidak dilakukan sekarang. Sementara adat-adat lain masih kukuh diamalkan. Oleh kerana lapisan masyarakat adat Perpatih berperingkat-peringkat, maka kedudukan pemimpin dan kepimpinan juga berperingkat-peringkat.

#### Konsep Pemimpin dan Kepimpinan dalam Masyarakat Adat Perpatih

Keharmonian hidup bermasyarakat ujud bila ada pemimpin-pemimpin berkaliber. Pada dasarnya, golongan pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih terdiri dari ketua-ketua adat iaitu Buapak, Lembaga, Orang Besar, Undang dan Yang Dipertuan Besar (Yamtuan). Perlantikan mereka

---

(1) Berkedim ialah upacara mengambil anak angkat dan dimasukkan kedalam suku keluarga angkatnya.

berdasarkan persetujuan bersama dari anak buah. (1) Kedudukan setiap pemimpin saling pengaruh mempengaruhi dan masing-masing menerima pengiktirafan sesama sendiri selain dari anak buah, seperti perlambangan dalam kata perbilangannya ini... Bulat anak buah menjadikan buapak, Bulat buapak menjadikan lembaga, Bulat lembaga menjadikan Undang, Bulat Undang menjadikan Raja.

Kepimpinan dalam adat Perpatih berlandaskan dua konsep iaitu muafakat dan budi. (2) Keduanya merupakan nilai yang asas dalam Adat Perpatih. Sumbangan budi biasanya menerusi pemberian dalam bentuk material, tenaga, hormat menghormat dan sebagainya. Peranan muafakat pula dapat kita lihat melalui pencapaian terhadap suatu keputusan. Dengan kata lain, kata putus harus diberi oleh setiap anggota yang menghadiri 'musyawarah'. (3)

Dalam musyawarah, kita tidak dapat menolak bahawa perdebatan harus timbul. Perdebatan bukan bertujuan untuk mengakkan ego masing-masing tapi lebih cenderung kearah melahirkan kesempurnaan dan kebaikan untuk masyarakatnya. Keputusan musyawarah harus diterima oleh semua pihak yang terlibat dengan baik. Baik dalam artikata, tidak ada antara ahli yang berkecil hati atas keputusan yang dibuat. Misalnya, pihak

---

(1) Pengikut-pengikut kepada pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih dipanggil anak buah.

(2) Nordin Selat, *Op Cit.*, hal. 20

(3) Maksud musawarah ialah mesyuarat.

yang menang pula tidak harus merasa bangga. Jadi, sifat toleransi tertanam di jiwa pemimpin-pemimpin masyarakat Adat Perpatih kerana mereka berpendapat kesejahteraan hidup perlu ditegakkan atas dasar kebenaran. Saya rasa, sifat demikian perlu ada pada setiap pemimpin.

### Syarat-Syarat Menjadi Pemimpin

Dikalangan masyarakat Adat Perpatih, latar belakang seorang individu perlu diketahui. Dalam memilih seorang pemimpin atau menantu, faktor ini sering menjadi perhatian utama. Oleh kerana pandangan mereka terlalu tinggi pada seorang pemimpin, maka seorang calon pemimpin itu mestilah memenuhi beberapa syarat.<sup>(1)</sup>

Seseorang calon itu mestilah dari kaum lelaki  
Beliau mestilah berhak dicalutkan dari segi keturunan  
Beliau mestilah beragama Islam  
Beliau mestilah sudah baligh dengan ortikata dewasa  
Beliau mestilah dari keturunan yang baik  
'Kalam bapanya buruk, anaknya rintik'  
Beliau mestilah dipersetujui untuk memimpin  
oleh orang yang bakal dipimpinya iaitu ada  
penerimaan dari anak buah.

Pada hemat saya, senarai syarat di atas menepati sebagai syarat-syarat bagi pemilihan seorang calon pemimpin. Pemilihan di sini berdasarkan latar belakang keturunan yang baik dan harus mendapat pengiktirafan dari anak buah atau dengan kata lain 'ada penerimaan dari anak buah' yang dikemukakan oleh penulis.

---

(1) Ibid hal. 21



masyarakat<sup>2</sup>. Secara tidak langsung, penilaian orang ramai adalah perlu kerana baik tidaknya keturunan atau kedudukan seseorang adalah dinilai oleh masyarakatnya. Yang jelas, pemilihan selain dari berasaskan faktor kekeluargaan, ia juga mengutamakan sifat individu. Mengikut sistem Adat Perpatih, pemilihan pemimpin tidak mengutamakan sangat faktor ekonomi<sup>(2)</sup> tapi lebih mementingkan orang yang benar-benar berhak menurut giliran yang telah ditetapkan. Namun begitu, faktor latar belakang keluarga seperti keluarga berada, dihormati dan disegani dalam masyarakat sedikit sebanyak mempengaruhi pemilihan tersebut. Dari segi pemilihan seperti ini, suku Biduanda merupakan suku yang sering mendapat keistimewaan terutama pilihan untuk jawatan Undang. Suku ini dipertaiyai penduduk asal Negeri Sembilan. Sungguhpun demikian, ini tidak berarti suku lain terkeluar dari berpeluang memegang jawatan lain seperti Buapak atau Lembaga. Mereka masih berhak menjadi pemimpin selagi memiliki ciri-ciri penentuan disamping dapat memenuhi syarat-syarat sebagai seorang pemimpin. Umpamanya, pemilihan untuk jawatan buapak dan lembaga, calon-calon dipilih dari kalangan anggota suku masing-masing tanpa campur tangan dari orang luar. Mengikut lunas-lunas demokrasi, mereka boleh dipecat sekiranya kedatangan antara mereka yang gagal menjalankan tugas dengan baik atau mungkin kerana usur.

---

(2) Informasini diidapati dari Dato<sup>2</sup> Ferba Abdul Aziz bin Husin, dari suku Biduanda yang ditemui-bual oleh penulis pada 5.11.78.

### Sifat-Sifat Pemimpin

Baik dalam Adat Perpatih maupun dalam sebarang pemilihan pemimpin secara umum, ciri-ciri dan bakat kepimpinan individu harus dilihat terlebih dahulu. Penglibatan orang ramai dalam menilai adalah berperanan penting dalam melahirkan pimpinan yang ideal. Seorang pemimpin yang unggul menurut pendapat mereka adalah pemimpin yang mempunyai<sup>(1)</sup>

Kedudukan ekonomi yang baik  
Badan yang sihat  
Watak yang baik  
Akal.

### Kedudukan Ekonomi yang Baik

Seorang pemimpin harus baik kedudukannya ekonominya. Konsep yang digunakan ialah 'bercukupan'.<sup>(2)</sup> Istilah cukup disini bererti pemimpin itu mampu mengikut gaya hidup seorang pemimpin. Jadi, pemimpin tersebut harus menyesuaikan hidup mengikut statusnya dalam masyarakat. Soal 'style of life' nampaknya dititikberatkan kerana faktor ini yang dapat memperlihatkan kelainan antara seorang pemimpin dengan masyarakat biasa. Dalam masyarakat Adat Perpatih, pemimpin perlu mampu dalam beberapa hal, sekurang-kurangnya mengadakan jamuan, kenduri kendara secara besar-besaran. Spunt ini penting sebagai satu cara untuk

---

(1) Nordin Selat, ibid, hal 21

(2) Ibid.

menjaga imej diri kadangkala dituntut sebagai syarat yang dikatakan 'mengisi Adat menuang Lembaga'. Mereka yang kurang berada atau lebih tepat tiada keteguhan ekonomi, tidak akan dapat menjalankan tugas dengan sempurna malah besar kemungkinan akan mengujutkan watak yang lemah seperti menerima rasuah. Tinjauan dari sudut ekonomi untuk melihat kedudukan seseorang ada persamaan dengan teori Marx dimana Marx berpendapat ekonomi merupakan faktor yang menentukan kelas atau status seorang individu dalam masyarakatnya. Kesimpulannya, prestasi individu bergantung pada sejauhmana dia dapat menguasai punca-punca ekonomi.

#### Watak Yang Baik

Kesempurnaan seorang pemimpin belum mencukupi seandainya tidak mempunyai watak yang baik dan sifat terpuji seperti pemurah, sabar, benar, amanah dan tabligh. Sifat sedemikian amat perlu kerana seorang pemimpin itu merupakan lambang kebaikan. Kebaikan tingkah laku akan menjadi teladan pada anak buah. Sifat tabligh di sini, bererti dia mesti mengetahui semua perkara adat dan bertanggungjawab menjaga anak buahnya supaya tidak melanggar adat. Sebagai kesimpulan pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih mesti bijaksana dalam hal ugama, adat dan intelek. Intelek di sini, tidak semestinya seorang pemimpin itu berpendidikan tinggi tapi memadai dengan berfikiran matang dan luas pandangan. Bila membuat keputusan, dia tidak dipengaruhi perasaan tapi berpendukan akal.

### Badan Yang Sihat

Selain dari faktor ekonomi, kesihatan badan perlu diambil berat oleh pemimpin kerana tugas mereka memerlukan tenaga dan fikiran yang waras. Oleh itu tidak hairan jika kita ketemui seorang pemimpin yang telah uzur menarik diri dan meletakkan jawatan dengan kerelaan sendiri. Perlakuan ini bertepatan dengan pepatah 'hidup berkerelaan'.<sup>(1)</sup>

Implikasi dari sikap pemimpin sedemikian, kita lihat tiada monopoli kuasa di kalangan calon-calon kerana masing-masing akan tiba gilirannya. Keanihan didapati bilamana kesedaran timbul sendiri di jiwa pemimpin tersebut bila dia merasakan tidak mampu untuk menjalankan pentadbiran seterusnya. Tarikan diri cara sedemikian agak sukar ditemui di kalangan pemimpin masa kini. Tidak pernah terdengar berlaku perebutan kuasa dalam masyarakat Adat Perpatih.

### Pantang Larang Pemimpin

Sebagai pemimpin, mereka dikenakan beberapa tegahan dalam bentuk pantang larang yang tidak boleh dilakukan sama sekali. Tujuannya adalah

---

(1) Informasi dari Datuk Sri Maharaja Abu Kassim b. Abdul Rahman, dari suku Paya Kumbuh Datuk Lembaga sebelah barat.  
(Lihat juga, Nordin Selat, op Cit.)

untuk menjaga imej pemimpin itu. Antara tegahan-tegahan itu termasuklah: (1)

Tidak boleh memarahkan mereka - Bermaksud dia tidak boleh bengis bila berhadapan dengan masalah. Jika berlaku ini dianggap akan memalukan anak buah.

Tidak boleh menghentam tanah - yakni menunjukkan perlakuan kasar dan menggunakan isyarat seperti menghentak kaki, memukul meja dan lain-lain. Sikap ini juga dianggap bertentangan dengan prinsip musafakat dalam adat.

Untuk menjaga taraf pemimpin, dia harus bertata-tertib walau di mana berada. Mereka dilarang melakukan perkara-perkara berikut:

Tidak boleh sama sekali menyinsing lengan baju

Tidak boleh berlari-lari anak

Tidak boleh memanjat tanpa tangga

Tidak boleh menjunjung sesuatu di atas kepala

Tidak boleh mengangkat barang atau mengandor

Tidak boleh bertual-tual di bawah anjung atau serambi rumah.

Kita tidak pernah melihat pantang larang dikenakan keatas

pemimpin. Di sinilah letaknya kelainan antara pemimpin dalam masyarakat

Adat Perpatih dengan di luar adat ini. Pada pendapat saya, oleh kerana

pandangan terlalu tinggi terhadap seorang pemimpin, maka pantang larang

ini lahir. Hinggakan mereka tidak boleh melakukan sewenang-wenangnya

dalam kehidupan seharian. Apa yang akan dilakukan harus berpandu pada

hukum adat.

---

(1) A.M. Datuk Marhum Batuah, Hukum Adat dan Adat Minangkabau, Penerbit M.V. Poesaka Aseli, Djakarta, 1957. hal. 16  
(Lihat, Nordin Solat, ibid hal. 25).

## Tugas-tugas Pemimpin

Tugas pemimpin bergantung pada peringkat yang dipimpinnya yaitu diperingkat perut (buapak), suku (lembaga) luak (Undang) dan negeri (Yang Dipertuan Besar). Nordin Selat membahagikan tugas pemimpin kepada dua kategori iaitu tugas ke dalam dan keluar.<sup>(1)</sup> Tugas mengawasi harta pusaka, menjaga dan menyelesaikan masalah anak buah termasuk dalam kategori tugas ke dalam kerana dia hanya mengawasi segala aktiviti kelompok yang dipimpinnya. Sementara tugas keluar, menghendaki pemimpin-pemimpin tersebut mewakili kelompoknya dalam hubungan dengan kelompok lain. Mereka berkewajipan mengemuka; mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan kelompok mereka.

Meneliti dari konsep kepimpinan, membawa kepada syarat, sifat dan tugas serta pantang larang seorang pemimpin, ternyata masyarakat Adat Perpatih benar-benar dapat melahirkan seorang pemimpin yang ideal.

Meskipun ciri-ciri yang dikehendaki agak sukar dipenuhi pada keseluruhannya (seratus peratus) namun ciri dan sifat-sifat ini menjadi pilihan utama kerana seorang pemimpin itu akan berkhidmat untuk selamanya (seumur hidup) kecuali dipecat atau usur atau meninggal dunia. Jadi, pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih tidak perlu berkelulusan tinggi tetapi memadai dengan berpengetahuan luas dalam adat di samping memiliki sifat-sifat sempurna yang dapat dilihat oleh seluruh anak buah.

---

(1) Nordin Selat, op. cit, hal. 20.

(2) Nordin Selat, op. cit, hal. 21.

Perlaksanaan peranan pemimpin-pemimpin ini pada umumnya tertakluk pada hukum adat.

### Institusi Kepimpinan Orang Besar

Orang Besar khusus untuk jawatan orang-orang kenamaan adat atau pemegang jawatan adat.<sup>(1)</sup> Terdapat dua kategori Orang Besar iaitu

Orang Besar Undang dan Orang Besar Lembaga. Dalam pentadbiran suku, Lembaga berasal dari kaum Bujak. Begitu juga Orang Besar Lembaga kedudukan Orang Besar Undang lebih rendah dari Lembaga dan sebagai melapor kepada Lembaga sahaja, kemudian Bujak yang adalah pegawai Lembaga, kedudukannya lebih rendah dari Bujak. Di kalangan kaum Bujak nama Bujak. Kedua-duanya juga berketurunan Bujak. Bujak anak buah, keduanya dikenal sebagai 'Besar' sahaja. Pemegang jawatan Undang di dalam Lembaga. Mereka Bujak, Alak, Iram, Ulu. Mereka dipilih secara perantaraan oleh pihak Lembaga dan Undang dan tidak ada cara berketurunan sebagai syarat dan aktiviti mereka dan Undang boleh diwarisi cara keturunan. Sesuatu suku berhak mewarisi jawatan Undang. Mereka dan Undang sahaja menjalankan tugas Undang dan Undang ini dengan syarat sudah dinyatakan oleh Undang ketika jawatan itu dan Undang mereka mereka mereka dan Undang. Undang dibuat.

Tiada penetapan terhadap jumlah Orang Besar dalam tiap suku.

Antara Orang Besar Undang dan Orang Besar Lembaga, mereka punya persamaan tugas di mana Orang Besar Undang hanya berkuasa terhadap Lembaga sementara Orang Besar Lembaga berkuasa pula ke atas Bujak.

(Tugas mereka hanya menyampaikan pengaduan ke pihak masing-masing sekiranya kedatangan antara mereka yang tidak menjalankan tugas dengan sempurna.)

Misalnya, Orang Besar Undang melaporkan kepada Undang tentang kesalahan

---

(1) Nordin Selat, <sup>ibid</sup> op. cit. hal. 76

perui, mempunyai banyak kelebihan yang dapat diandalkan  
Lembaga hasil dari aduan Buapak. Begitu juga Orang Besar Lembaga  
melaporkan kepada Lembaga sebarang kesalahan Buapak yang mereka terima  
dari aduan anak buah. Kedua mereka juga bertugas sebagai pegawai  
Lembaga di Balai Lembaga. Secara ringkas, sistem Orang Besar tidak  
lain dari (berfungsi mengawal tugas dan aktiviti Buapak dan Lembaga.)  
Implikasinya, Buapak dan Lembaga mesti menjalankan tugas dengan baik  
dan adil kerana mereka sentiasa diawasi.



Buapak

Buapak adalah singkatan dari perkataan ibu atau bapa dan ketua bagi suatu perut. (1) Hubungan antara Buapak dan anak buah terlalu rapat, seolah-olah berperanan sebagai ibu dan bapa kepada anak buahnya. Seorang buapak biasanya dilantik bila ada kebulatan suara dari anggota

---

(1) Perut adalah suatu organisasi sosial. Anggota yang membentuk perut mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas dan berasal dari nenek moyang yang sama. (Idris Hj. Tain, ibid. hal. 13). 'Beberapa Konsep Dalam Adat Perpatih' - dalam Kertas Kerja Seminar penasejaraan dan Adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, N/S, 10-12 April 1974 h. 13.

(a) M.G. Swift, Malay Peasant Society in Jelebu, The Anthlone Press, New York, 1965 hal. 16.

Perut: Each clan is divided into a number of subclan (perut) and translate perut as subclan rather than lineage because relationship with in the group is largely putative and not commonly traceable beyond two or more generation.

(b) Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara" Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Sastera (M.A.), Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya K. Lumpur, hal. 50.

Perut: Adalah sekelompok anggota masyarakat yang benar-benar mempunyai hubungan dan silsilah (geneologi) yang dapat digalurkan dengan jelas sehingga generasinya berpunca dari nenek moyang yang sama.

(c) Kamariah Sabih, 'Penyesuaian dalam Adat Perpatih' Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, K. Lumpur 1967. hal. 13-14.

Perut: adalah unit pentadbiran yang kecil sekali dalam sistem adat Perpatih. Perut adalah sekecil-kecil kumpulan kekeluargaan dalam mana anggotanya dilarang berkahwin antara satu sama lain.

perutnya. Perlantikan mesti mendapat pengesahan dari Lembaga. Fungsi buapak hanya jelas dalam upacara perkahwinan, perwarisan harta dan istiadat berkedim di kalangan anggota perutnya. Oleh kerana hubungan yang intim, segala hal ehwal anak buah mesti diketahui oleh buapak.

### Lembaga

Lembaga adalah pemimpin di peringkat suku. (1) Biasanya dikenali juga dengan gelaran "the chief who deals with custom", (2) kerana penglibatan mereka dalam adat istiadat. Perlantikan Lembaga berasaskan pada kebulatan suara anak buah dan bergilir-gilir mengikut perut yang berhak dalam setiap suku. Samada konsep kebulatan itu bererti semua

---

(1) Suku adalah gabungan dari beberapa perut yang masing-masing mengakui berasal dari nenek moyang yang sama. Hubungan anggota dalam suku bukan hubungan kekeluargaan tapi hanya satu pengelompokan anggota masyarakat yang telah timbul sejak zaman tradisi.

Terdapat 12 suku di Negeri Sembilan. Gelaran-gelaran suku, berasal dari tempat mereka datang.

- |                |                     |
|----------------|---------------------|
| 1) Biduanda    | 7) Sri Semelenggang |
| 2) Tanah Datar | 8) Mungkal          |
| 3) Paya Kumbuh | 9) Anak Aceh        |
| 4) Batu Belang | 10) Anak Melaka     |
| 5) Tiga Batu   | 11) Seri Lemak      |
| 6) Tiga Nenek  | 12) Batu Hampar     |

(Idris Hj. Tain, op. cit. hal 13).

(2) Nordin Selat, Op. Cit. hal 74.

luapak bersetuju (Rembau, Sungai Ujong dan Jelebu) atau mencukupi // menerusi suara terbanyak (Gelang Pagar, Terachi, Inas, Jempol dan Ulu Muar) tapi yang jelas perliantikannya mestilah berlandaskan pada persetujuan bersama. Kuasa Lembaga hanya terhad dalam sukunya sahaja sebagai penyelesaian masalah terutama tentang perwarisan harta. Secara umum, peranan terpenting Lembaga dapat dilihat ketika proses perliantikan dan pemilihan Datuk Undang berlangsung. Mereka berkuasa penuh keatas setiap perliantikan Undang yang baru. Tapi tanggungjawab utama adalah untuk menjaga keselamatan dan mengekalkan keharmonian sukunya.

### Undang

Pemimpin atau ketua bagi luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau dinamakan Undang.<sup>(1)</sup> Istilah Undang hanya untuk luak-luak di atas dan bukan gelaran bagi ketua-ketua di luak Tanah Mengandung.<sup>(2)</sup> Suku Biduanda merupakan suku yang berhak mewarisi jawatan Undang. Kedudukan Undang adalah sebagai kuasa tertinggi di luak masing-masing dan tidak tertakluk pada Yamtuan. Sungguhpun Undang berkuasa penuh

---

(1) Gelaran Datuk Undang antara luak berlainan.

- a) Undang Sungai Ujong bergelar Datuk Kelana Putra
- b) Undang Jelebu bergelar Datuk Mendika Mentari Achirulzaman
- c) Undang Johol bergelar Datuk Johan Pahlawan Perkasa  
Setiawan
- d) Undang Rembau bergelar Datuk Sedia Raja/Lela Maharaja.

(2) Gelaran bagi ketua-ketua luak Tanah Mengandung ialah Penghulu.

namun beliau tidak boleh berbuat sesuka hati kerana sentiasa diawasi oleh pihak Lembaga, Suapak dan anak buah. Mereka berhak melantik dan memecat Undang pada bila-bila masapun jika didapati peranan Undang menyeleweng dan bertentangan dengan hukum adat. Oleh itu dalam pengendalian kuasa ke atas luak, Undang menerima bantuan dari Jemaah Ketua-Ketua Adat yang bilangannya berbeza dari satu luak ke satu luak lain.<sup>(1)</sup>

a) Sungai Ujong - Jemaah pembantu Undang ialah Lembaga

Tiang Balai yang terdiri dari empat

Lembaga kawasan.

b) Johor - Jemaah Pembantu adalah Orang Delapan, wakil-wakil

dari tiga perut suku Biduanda yang boleh mencalonkan Undang.

c) Johor - Jemaah pembantu ialah Baginda Tan Mas, Kepala

Waris Perempuan, Tok Jenang dan enam buapak suku

Biduanda.

d) Rembau - Jemaah pembantu terdiri dari ketua-ketua adat dan

Lembaga Tiang Balai yang mengandungi lapan Lembaga.

Dalam menjalankan tugas, Datuk Undang perlu mendapat nasihat dari Jemaah Ketua Adat sebelum membuat keputusan. Misalnya, tidak

---

(1) Nordin Selat, ibid, hal. 64 - 65.

boleh memecat Lembaga tanpa kebenaran dari Jemaah. Begitu juga perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum adat seperti hukuman bunuh atau sebarang perjanjian tidak sah sekiranya tiada tandatangan bersama dari Jemaah. Selain dari berperanan menyelesaikan masalah anak buah, Undang pada masa kini berhak melantik Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam, memberi persetujuan kepada perantikan orang-orang berpangkat dan sebagainya. Pembicaraan tentang Undang termasuk proses pemilihan dan perantikan akan dilanjutkan dalam bab berikutnya.

### Penghulu

Kepimpinan ketua adat bagi Luak Tanah Mengandung<sup>(1)</sup> dinamakan Penghulu dan gelaran mereka adalah berbeza-beza.<sup>(2)</sup> Suku Biduanda masih lagi terpilih mewarisi jawatan ini kecuali di Terachi, suku Seri Lemak Pahang, dan di Gunung Pasir, suku Tanah Datar berhak mewarisi jawatan ini. Peranan Penghulu tidak sepenting Undang. Mereka lebih

---

(1) Luak Tanah Mengandung terdiri dari daerah Ulu Muar, Gunung Pasir, Terachi, Inas, Gemencheh, Air Kuning dan Jempol.

(2) Gelaran Penghulu di tiap daerah

- a) Ulu Muar gelaran Penghulu Datuk Setia Maharaja Lela Pahlawan
- b) Gunung Pasir - Datuk Setiawan
- c) Terachi - Datuk Andika Pahlawan
- d) Inas - Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa
- e) Gemencheh - Datuk Orang Kaya Setiawan
- f) Air Kuning - Datuk Orang Kaya Setiawan  
(Datuk Penghulu Pusaka Air Kuning)
- g) Jempol - Datuk Lela Pahlawan

banyak berfungsi sebagai pegawai istana. Dalam upacara negeri, hiraki Penghulu adalah dibawah Undang, selepas Datuk Syahbandar Sungai Ujung. Mereka tidak menganggotai Dewan keadilan dan Undang. Jadi, kedudukan Penghulu tidak sepenting Undang. Namun mereka tidak lari dari berperanan sebagai ketua adat di daerah masing-masing. Oleh kerana kedudukan berhampiran dengan Yamtuan, mereka lebih ramai menjadi pegawai istana.

#### Yamtuan (Yang DiPertuan Besar)

Jawatan Yamtuan bermula pada 1773.<sup>(1)</sup> Meneliti dari rintitan sejarah, sebelum 1773 Negeri Sembilan di bawah kerajaan Melaka - Johor, malah pernah dikatakan Negeri Sembilan termasuk di bawah takluk Daeng Kemboja. Raja yang pertama ialah Yamtuan Melewar yang berasal dari Pagar Ruyung di Minangkabau, setelah keempat-empat Undang (Sungai Ujong, Johol, Jelebu dan Rembau) berjaya mengusir Daeng Kemboja. Jawatan Yamtuan kedua dan ketiga juga dibawa dari Minangkabau. Tapi jawatan Yamtuan keempat diwarisi oleh Dinasti Sri Menanti yang bermula dengan keturunan Yamtuan Radin (1824 - 1861).<sup>(2)</sup> Kelayakan calon untuk jawatan Yamtuan hingga ke hari ini terdiri dari keturunan Yamtuan Radin dikira dari nisah bapa sahaja dengan syarat mendapat persetujuan dari

---

(1) Ibid, hal. 58

(2) Ibid, hal. 59.

## Undang Yang Empat.

Kedudukan Yamtuan adalah mengikut perbilangan, "Adapun Raja itu tiada bernegeri dan tiada mencukai kharaajat, melainkan berkeadilan sahaja, permakanannya duit sesuku, beras segantang, nyiur setali".

yang bermaksud bahawa raja tiada berkuasa mutlak keatas penduduk Negeri Sembilan sebab kedudukannya di luar dari Adat Perpatih. Ini bertujuan supaya baginda dapat berperanan dengan adil dan melihat adat tanpa bersikap subjektif. Tidak seperti masyarakat Adat Perpatih yang lain, susur galur keluarga baginda tidak menurut nisab ibu dan perwarisan harta mengikut hukum Islam. Yamtuan bersemayam di Sri Menanti yang juga dikenali sebagai 'Adat Lingkungan', berbeza dari luak lain kerana tidak mempunyai batas kawasan tertentu. (1) Keutamaan pada golongan khusus lebih dititikberatkan dari batas sempadan.)

Kedudukan Yamtuan setaraf dengan Datuk Undang. Oleh itu, baginda tidak berhak campur tangan dalam pentadbiran luak kecuali jika perlu. Fungsi baginda hanya menentukan keadilan misalnya baginda sahaja yang berhak menjatuhkan hukuman bunuh sesuai dengan kata perbilangan, "pedang pemancang pada keadilan". Sebelum campur tangan Inggeris dan menerima gaji yang tetap, Yamtuan menyara hidup dengan hasil kutipan wang padi dan kelapa dari setiap tuan punya tanah di Sri Menanti juga

---

(1) Hooker, M.E., Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, K. Lumpur 1972 hal. 114.



dari denda-denda yang dikenakan. Keistimewaan Yamtuan ternyata bila mengadakan upacara seperti perkahwinan, kematian dan sebagainya di mana beliau diberi tiga ekor kerbau dan wang yang dipanggil 'mas mannah'.<sup>(1)</sup> Dalam pentadbiran Yamtuan dibantu oleh pegawai-pegawai istana yang bergelar-gelar terdiri dari:

- a) Putera Yang Empat
- b) Orang Empat Istana
- c) Pegawai Yang Enam
- d) Apit Lempang Orang Empat Istana
- e) Pegawai Sembilan Puluh Sembilan

#### Putera Yang Empat

Merupakan jawatan Istana yang tertinggi. Jawatan yang hanya diwarisi oleh anggota-anggota diraja. Mereka bertanggungjawab terhadap keluarga diraja. Sebagai contoh, sebarang pengaduan terhadap keluarga diraja mesti dibant melalui Putera Yang Empat. Merekalah yang akan menyiasat dan membuat keputusan tapi hukuman dijalankan oleh Yamtuan. Dalam situasi lain, Putera Yang Empat bertugas menyambut kedatangan para Undang ke Sri Menanti untuk mengadap. Tapi setiap Undang mesti temui Putera Yang Empat dahulu sebelum Orang Empat Istana mengiringinya masuk mengadap. Putera Yang Empat juga bertanggungjawab dalam per-

---

(1) Nordin Salat, op cit, hal. 59.



laksanaan adat istiadat istana termasuk menerima ganti anggota Pegawai Sembilan Puluh Sembilan (99) jika terdapat salah seorang dari mereka meninggal dunia.

#### Orang Empat Istana

Jawatan Orang Empat Istana adalah jawatan tertinggi bagi anggota-anggota yang tidak berdarah raja. (1) dengan gelaran

- a) Sri Amar Diraja
- b) Raja Diwangsa
- c) Penghulu Dagang
- d) Penghulu Akhirzaman

---

(1) Golongan ini, ringkasnya Air Kaki Lingkungan. Mereka berhak milik keatas jawatan ini.

Golongan Air Kaki terdiri dari suku Batu Hampar dan jawatannya bergelar Sri Amar Diraja dan Raja Diwangsa.

Golongan Air Kaki Lingkungan, terjemah daripada individu-individu dan perut dari empat suku iaitu suku Batu Hampar, Tanah Batar, Tiga Batu dan Sri Lemak (Sri Lemak Minangkabau dan Sri Lemak Pahang). Jawatan mereka bergelar Penghulu Dagang dan Penghulu Akhirzaman. Golongan ini wujud bertujuan untuk melahirkan Raja yang berdarah raja dan rakyat seperti kata perbilangan,

Darah setitik daripada keadilan  
Daging sekeping daripada air kaki.

Nordin Salat, ibid, hal. 60

Lihat juga Wilkinson R.J., Papers on Malay Subject, OUP K. Lumpur.

Antara tugas mereka termasuklah menjaga kepentingan dan kebaikan keluarga diraja yang meliputi isteri, putera puteri serta keluarga mereka. Bertanggungjawab bagi pelaksanaan segala adat istiadat diraja dan juga bertugas sebagai penyimpan selasilah raja, Undang, Penghulu, pegawai-pegawai istana dan peraturan warisan jawatan.

Tugas terpenting adalah sebagai 'pemegang kunci peti benyian', iaitu tempat menyimpan selasilah raja, Undang, Penghulu, Pegawai-pegawai istana dan peraturan warisan jawatan. Mereka berkewajipan menyemak semula selasilah jawatan bila orang baru dilantik. Misalnya apabila seorang penghulu meninggal dunia, Orang Empat Istana akan menyimpan segala tanda jawatannya dalam 'peti benyian'. Alat ini kemudiannya akan mereka serahkan kepada penghulu baru yang dilantik.

Selain dari Putera Yang Empat, Orang Empat Istana juga bertugas menjaga keluarga diraja. Mereka berkuasa dalam menentukan segala kesalahan dan hukuman yang dikenakan di kalangan anak-anak raja. Peranan utama mereka dapat dilihat dalam istiadat pertunangan dan perkahwinan diraja. Umpamanya, Orang Empat Istana perlu diberitahu terlebih dulu sekiranya seorang putera raja ingin berkahwin dengan gadis Adat Perpatih. Jika tidak berbuat demikian, putera tersebut berserta isteri dan anaknya akan terkeluar dari jagaan Orang Empat Istana. Begitu juga pembayaran sebanyak satu bahara (\$14/=) perlu dibayar oleh lelaki yang ingin berkahwin dengan janda (balu) raja.

Menyimpan dan mengeluarkan alat-alat kebesaran raja juga menjadi tugas Orang Empat Istana selain dari membantu menyambut kedatangan dhif-dhif kehormat ke Sri Menanti di samping menyempurnakan segala titah Yamtuan tentang hal ehwal istana. Pendek kata, keseluruhan tugas Orang Empat Istana bersangkutan dengan istana yang bermula dari menjaga keluarga diraja hingga membawa kepada menjaga alat kebesaran, melaksanakan adat istiadat dan menyambut dhif-dhif kehormat.

#### Pegawai Yang Enam

Gelaran bagi pegawai-pegawai ini ialah:

- a) Panglima Sutan
- b) Panglima Raja
- c) Laksemana Satu
- d) Laksamana Dua
- e) Datuk Andatar
- f) Datuk Johan

Melihat pada tugas mereka, Pegawai Yang Enam tergolong sebagai pembantu-pembantu Orang Empat Istana. Antara tugas mereka ialah menyediakan alat-alat kebesaran diraja dalam upacara perkahwinan, pertabalan dan lain-lain. Kemudian menclong menyimpannya semula. Antara mereka pula, punya tugas tertentu misalnya Datuk Johan membantu Orang Empat Istana menerima tetamu kenamaan dan Datuk Andatar membantu menyambut Undang.

Apit Lempang Orang Empat Istana

Tiada perbezaan tugas antara Pegawai Yang Enam dengan Apit Lempang Orang Empat Istana. Mereka terdiri dari enam orang, masing-masing bergelar:

- a) Datuk Mambesar
- b) Datuk Andika
- c) Datuk Sutan Bentara
- d) Datuk Raja Panglima
- e) Datuk Bentara Kanan
- f) Datuk Bentara Kiri

Pegawai Sembilan Puluh Sembilan (99)

Mengikut Nordin Selat, pada suatu masa dulu berkemungkinan pegawai-pegawai ini berjumlah 99 orang tapi sekarang berjumlah 300 orang. (1) Anggota-anggota Pegawai 99 terbentuk dari Air Kaki Lingkungan dan Luak Tanah Mengandung iaitu 12 suku Ulu Miar, 12 suku Jempol, 6 suku Terachi, 6 suku Gunung Pasir, Inas, Gemengheh dan Air Kuning serta sebilangan dari Rembau meskipun Rembau tidak termasuk kedalam Luak Tanah Mengandung. (2)

---

(1) Ibid, hal. 63

(2) Ibid.

Tugas pegawai-pegawai ini berubah menurut peredaran zaman sebab pada suatu masa dulu, mereka bertugas menguatkuasakan larangan raja dengan melaporkan kepada Orang Empat Istana, Pegawai Yang Enam atau Apit Lempeng Orang Empat Istana sekiranya kedapatan rakyat melanggar larangan atau perintah raja sebelum dikemukakan kepada Yastuan. Tapi kini, mereka lebih berperanan dalam pelaksanaan upacara adat istiadat diraja. Jawatan ini turun temurun, bila salah seorang anggota meninggal dunia, Penggantinya mesti dilantik secepat mungkin.

Kesimpulannya, pemimpin dan kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih berperingkat-peringkat menurut kepentingan peranan. Peranan terpenting dan menduduki hirarki tertinggi ialah Datuk Undang dan Yang Dipertuan Besar. Mereka sama setaraf, mentadbir luak sendiri tanpa campur tangan dari orang luar. Agak tidak keterlaluan jika dikatakan mereka berkerajaan sendiri, menyusun pentadbiran dengan bantuan pegawai-pegawai terlatih yang merangkap sebagai penasihat. Tugas umum pemimpin-pemimpin ini adalah untuk mengujudkan keharmonian dalam masyarakat Adat Perpatih berpandukan pada hukum adat.

LAMPIRAN 1

SENARAI PENYANDANG-PENYANDANG  
PUSAKA UNDANG REMBAU

| BIL | TAHUN     | NAMA                             | WARIS | KAMPUNG      |
|-----|-----------|----------------------------------|-------|--------------|
| 1.  | 1540-1555 | Datuk Lela Maharaja<br>Seri Rama | Jakun | Kota         |
| 2.  | 1555-1605 | Datuk Onbo                       | Jawa  | -            |
| 3.  | 1605-1620 | Datuk Langgang                   | Jakun | Kota         |
| 4.  | 1620-1645 | Datuk Pandak                     | Jawa  | Kg. Tengah   |
| 5.  | 1645-1660 | Datuk Usmu<br>(Puteh kepala)     | Jakun | Kg. Chengkau |
| 6.  | 1660- ?   | Datuk Sagah                      | Jawa  | -            |
| 7.  | ?         | Datuk Kusrp                      | Jawa  | -            |
| 8.  | ? -1750   | Datuk Sabat                      | Jawa  | -            |
| 9.  | 1750-1790 | Datuk Lulinsch                   | Jakun | Kg. Chengkau |
| 10. | 1790-1795 | Datuk Pekat                      | Jawa  | Kg. Tengah   |
| 11. | 1795-1812 | Datuk Kusil                      | Jakun | Kg. Tebat    |
| 12. | 1812-1819 | Datuk Bogok                      | Jawa  | Kg. Bukit    |
| 13. | 1819-1838 | Datuk Ngenit                     | Jakun | Kg. Chengkau |
| 14. | 1838-1871 | Datuk Akhir                      | Jawa  | Kg. Pulau    |
| 15. | 1871-1883 | Datuk Hj. Sahil                  | Jakun | Kg. Chengkau |
| 16. | 1883-1905 | Datuk Serun b. Saidin            | Jawa  | Kg. Tengah   |
| 17. | 1905-1922 | Datuk Hj. Sulong Miah            | Jakun | Kg. Gekung   |
| 18. | 1922-1938 | Datuk Abdullah b.<br>Hj. Dahan   | Jawa  | Kg. Tanjung  |
| 19. | 1938-1962 | Dt.Hj.Ippap b. Abdullah          | Jakun | Kg. Kota     |
| 20. | 1963-     | Dt.Hj.Adnan b. Masih             | Jawa  | Kg. Bukit    |

Petikan dari A. Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,  
Utusan Melayu, K.L. 1968.

\* Senarai ini tidak begitu tepat terutama pada tarikh dan nama  
kerana tiada peringatan bertulis dijumpai.

Bibliografi

Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,  
Pencetakan Utusan Melayu, K. Lumpur 1968.

Abdul Rahman b. Muhammad, Dasar-dasar Adat Perpatih,  
Pustaka Antara, K. Lumpur 1964.

Abbas b. Hj. Ali, Manbau, Sejarah Perlambangan dan Adat Istiadatnya,  
Pencetakan Pertama, Kerajaan Johor, 1953.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia,  
Penerbit Universiti Malaya, K. Lumpur, 1973.

A.M. Dabik Marican Batuah & D.M. Bugindo Tanamah, Adat Adat dan  
Adat Minangkabau, Penerbit M.V. Pustaka Aseli, Djakarta, 1957.

Gould & Kolb, A Dictionary of Social Sciences,  
Tavistock Publication, London 1964.

Hocker, M.B., Adat Law in Modern Malaya,  
Oxford University Press, K. Lumpur, 1972.

Hocker, M.B., Reading in Malay Adat Law,  
Singapore University Press, Singapore, 1970.

Josselin de Jong, P.E., Minangkabau and Negeri Sembilan,  
The Hague, 1951.

Lister, Martin The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution,  
Government Printing, Singapore. (JSEMAS, vol. XIV, 1967).

M.D. Mansoor, Sedjarah Minangkabau, Ehratera,  
Djakarta, 1970.

M.A. Manafiah (Prof), Tinjauan Adat Minangkabau, 1970.

Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih,  
Utusan Melayu Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1975.

Syed Hussein Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia,  
Penerbit Pajar Bakti Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1977.

Swift, M.G. Malay Peasant Society in Jelohu,  
The Anthlone Press, New York, 1965.

Milkinson R.J., Papers on Malay Subject,  
Oxford University Press, K. Lumpur, 1971.

Rujukan dari thesis dan Kertas Kerja

Kamariah Sabih, "Penyesuaian dalam Adat Perpatih"  
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.)  
Jabatan Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1967.

Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara",  
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Sastera (B.A.)  
Jabatan Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1969.

Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih,  
Anjuran Majlis Belia Negeri,  
Seremban, Negeri Sembilan yang berlangsung pada 10 - 12 April, 1974.

Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.